

Bermula: Jan 2007

Kemaskini : November 2010

Nama Stesen STESEN METEOROLOGI BATU EMBUN	Nombor W.M.O 48642	Lat N 4°48'0	Long E 100° 54'	Altitud (m) 77.2
Agensi JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA	Kategori STESEN UTAMA METEOROLOGI		Bermula Operasi 1982	Status Aktif
Negeri PAHANG	Alamat Pos Ketua Stesen Stesen Meteorologi Batu Embun 27000 Jerantut, Pahang Darul Makmur	Peralatan 1. AWS 2. Tolok Hujan 3. Tangki Sejatan 4. Peralatan Pencemaran Udara		Jenis Pencerapan 1. Metar 2. Speci 3. Synop
Lokasi/ Bagaimana Ke Sana Terletak kira-kira 8km dari jalan Pekan Jerantut ke Kuala Tembeling.				Masa Pencerapan Stesen 24 jam
Orang Dihubungi Ketua Stesen Meteorologi Batu Embun	No. Tel 609-2662066	No. Faks 609-2661954	No.Fail JMM.COM30SP/ 758 /L038 JLD2	Kawasan Stesen -
				Bil. Staf 5 + 1

GAMBAR




IKLIM DI STESEN METEOROLOGI BATU EMBUN

Stesen Meteorologi Batu Embun berkoordinat 4°48'0N 100°54'E terletak di daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur. Stesen ini telah memulakan operasinya sejak tahun 1982 dengan membuat pencerapan data bagi hujan, suhu, kelembapan relatif, kadar sejatan dan sinaran matahari. Pencerapan cuaca dibuat mulai 8.00 pagi hingga 8.00 malam setiap hari.

HUJAN

Kedudukan Jerantut yang terletak di negeri Pahang secara langsung menjadikan iklim kawasan tersebut lebih dipengaruhi oleh Monsun Timur Laut. Dengan merujuk kepada **Rajah 1**, didapati kuantiti hujan yang dicatatkan oleh Stesen Meteorologi Batu Embun dilihat semakin meningkat bermula dari bulan September hingga November dan kembali menurun menjelang Disember hingga Januari. Ini adalah disebabkan oleh pengaruh Monsun Timur Laut yang kebiasanya bermula pada awal November dan berakhir pada Mac. Semasa musim ini, angin lazim adalah dari arah timur atau timur laut dengan kelajuan angin antara 10 dan 20 knot. Negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia termasuk Pahang lebih terjejas dengan tiupan angin ini di mana kelajuannya boleh mencapai 30 knot atau lebih semasa luruan kuat udara sejuk dari utara (luruan sejuk).

Rajah 1 Purata Hujan Bulanan




SUHU

Sebagai sebuah negara yang terletak di khatulistiwa, Malaysia mengalami suhu yang sekata sepanjang tahun. Perbezaan purata suhu bulanan adalah kurang daripada 2°C kecuali bagi kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia yang kerap dipengaruhi oleh luruan angin sejuk dari Siberia semasa monsun timur laut dengan perbezaan suhu purata bulannya boleh mencapai sehingga 3°C. Seperti yang dipaparkan pada **Rajah 2** di atas, terdapat perubahan suhu yang jelas diantara monsun timur laut dengan musim musim yang lain. Semasa musim peralihan monson iaitu pada bulan April dan Mei suhu purata bulanan adalah paling tinggi sementara Disember dan Januari pula iaitu semasa monson timur laut suhu purata bulannya paling rendah. Suhu harian

yang rendah yang dialami di kawasan Pantai Timur Semenanjung semasa musim monsun timur laut ini adalah hasil daripada kadar hujan yang tinggi dan litupan awan yang luas. Suhu harian yang tinggi semasa musim peralihan monson adalah disebabkan kaadaan cuaca yang panas pada waktu lewat pagi hingga awal petang dan selalunya disusuli dengan hujan serta ribut petir pada lewat petang. Kaadaan ini berlaku disebabkan oleh atmosfera yang tidak stabil yang mengalakkan pembentukan awan perolakan pada waktu petang.

Rajah 2 Purata Suhu Bulanan



KELEMBAPAN RELATIF

Seperti yang diketahui, Malaysia mempunyai kelembapan yang tinggi. Purata kelembapan bandingan bulannya adalah diantara 10% hingga 90%, berubah mengikut tempat dan bulan. **Rajah 3** menunjukkan corak kelembapan relatif bagi kawasan Jerantut yang direkodkan oleh Stesen Meteorologi Batu Embun. Melalui rajah tersebut didapati kelembapan tertinggi adalah dicatatkan pada bulan November hingga Disember dan semakin menurun menjelang Februari. Melalui corak kelembapan bandingan yang ditunjukkan pada **Rajah 3**, didapati kelembapan relatif adalah tinggi ketika berlakunya musim monsun timur laut. Adalah diperhatikan bahawa di Semenanjung Malaysia, kelembapan bandingan minimum biasanya terdapat pada bulan Januari dan Februari kecuali bagi negeri-negeri pantai timur di mana kelembapan bandingan minimumnya adalah pada bulan Mac. Kelembapan bandingan maksimum pula lazimnya adalah pada bulan November.

Rajah 3 Purata Kelembapan Bulanan

